



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA  
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**26 Julai 2023  
8 Muharram 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none"><li>• Empat kru kapal kargo belum ditemukan</li></ul>
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
The Star	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Harakah	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Malaysiakini	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Bernama	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Borneo Post (KK)	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>
Sabah Media	<ul style="list-style-type: none"><li>•</li></ul>

UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL		
				32	26/7/2023

## Empat kru kapal kargo belum ditemukan

**KUALA TERENGGANU:** Empat lagi kru yang belum ditemukan dalam kejadian kapal kargo terbalik berdekatan Pulau Burung di Sebuyau, Sarawak, Rabu lalu, dipercayai terperangkap di dalam kapal tersebut.

Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Laksamana Madya (M) Hamid Mohd. Amin berkata, sehingga kini, hanya empat mangsa ditemukan, baru-baru ini.

Menurut beliau, hasil penilaian awal pasukan mencari dan menyelamat (SAR) tidak menolak kemungkinan empat lagi mangsa masih berada dalam kapal yang terbalik itu.

"Empat mayat mangsa yang sudah dijumpai baru-baru ini dihantar ke Jabatan Perubatan Forensik Hospital Umum Sarawak untuk dikenal pasti identiti mereka.

"Baki empat lagi kru diper-



**HAMID Mohd. Amin (kiri)** melihat antara bot yang dirampas dalam Op Marfdor di jeti Pejabat Maritim Malaysia Negeri Terengganu di Kuala Terengganu, semalam. - UTUSAN/TENGKU DANISH BAHRI TENGKU YUSOFF

caya masih berada di dalam kapal dan ejen kapal kargo berkenaan akan turut serta dalam operasi, esok, bagi membuka

struktur badan kapal berkenaan. "Dalam masa sama, pasukan mencari dan menyelamat juga giat melakukan pencarian

mangsa di sekeliling kapal sambil dibantu aset udara," katanya.

Beliau bercakap kepada permberita dalam sidang akbar selepas Majlis Penutup Operasi Marfdor di Pejabat Maritim Malaysia Negeri Terengganu, di sini, semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 11 malam Rabu lalu, lapan kru kapal berusia 20 sehingga 52 tahun hilang dengan tiga daripadanya warga tempatan iaitu Chieng Siew Ngiek, Wong Hua Wu dan Stimba Chuit.

Lima lagi mangsa merupakan warga asing dengan empat daripadanya warga Myanmar, That Min July, Ye Lan Htet, Hla Win Tun dan Tun Lin Oo serta seorang warga Indonesia, Lido Ali Purwanto.

Sabtu lalu, empat mangsa ditemukan dalam keadaan terapung pada jarak kira-kira 15 batu nautika timur laut dari Pulau Burung.